



Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)
(Licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)

Allianz Golf Master

Policy

The benefit(s) payable under eligible product is protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my). / *Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).*

GOLF MASTER

WHEREAS the Insured named in the Schedule hereto is desirous of effecting an insurance as hereinafter described with **Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)** (hereinafter called "the Company") and has made to the Company a written proposal and declaration which shall be deemed the basis of this contract and be considered as incorporated herein.

Notwithstanding any provision in this Policy, the above **basis of contract** shall not apply to the Insured who is an individual entering into, varying or renewing the contract of insurance **wholly for purposes unrelated to the Insured's trade, business or profession.**

NOW THIS POLICY WITNESSETH that in consideration of the Insured paying to the Company the premium, the Company will subject to the Terms, Exceptions, Limits and Conditions herein or endorsed hereon in the event of any of the undermentioned contingencies happening during any Period of Insurance and within the Territorial Limits stated in the Schedule hereto by payment reinstatement or repair indemnify or compensate the Insured as follows:

LIABILITY TO THE PUBLIC

Section 1:

Against legal liability arising out of claim made on him in respect of accidents caused by him whilst playing or practising golf on any recognized Golf Course and its Driving Range or Public Driving Range resulting in:

- (a) Accident bodily injury or death to any person not being a member of the Insured's family or household or in his service;
- (b) Accidental damage to property not belonging to or in the charge of or under the control of the Insured or a member of his family or household or of any person in his service.

In addition all costs and expense of litigation recovered by any claimant against the Insured or incurred with the written consent of the Company in respect of a claim against the Insured to which the Indemnity expressed in this Policy applies.

Provided Always That the amount payable hereunder in respect of any one accident or series of accidents constituting one occurrence shall not in any case exceed the sum of RM250,000 (Plan Birdie)/RM500,000 (Plan Eagle).

PERSONAL ACCIDENT

Section 2:

For the benefits specified below, if any Event described herein shall happen to the Insured whilst playing or practising golf on any recognized Golf Course and the Insured shall thereby suffer any of the Results described.

Event	Result		Benefit
Bodily injury caused solely and directly by violent accidental external and visible means which injury shall independently of any other cause be the sole and direct cause of any of the Result (1) to (7)	(1) Death	Occuring within ninety (90) days of the happening of the event	(1) RM25,000
	(2) Total and irrecoverable loss of all sight in both eyes.		(2) RM25,000
	(3) Total loss by physical severance of both hands or both feet or of one hand and one foot.		(3) RM25,000
	(4) Total loss by physical severance of one hand or one foot together with the total irrecoverable loss of all sight in one eye.		(4) RM25,000
	(5) Total and irrecoverable loss of all sight in one eye.		(5) RM12,500
	(6) Total loss by physical severance of one hand or one foot.		(6) RM12,500
	(7) Temporary total disablement from engaging in or attending to usual business.		(7) RM50 per week

Provided Always That

- (a) This Section shall not be operative if at the time of the accident the Insured is under 16 years of age or has attained the age of 60 years.
- (b) No Compensation shall be payable under the Policy:
 - (i) In respect of any Event consequent upon suicide (whether felonious or not) or attempt thereat, nor in respect of any Results attributable either wholly or in part to hernia however caused, general disease, or in the case of a woman childbirth or pregnancy;
 - (ii) Until the total amount shall have been ascertained and agreed.
- (c) Compensation shall not be payable for:
 - (i) More than 26 weeks from the commencement of the disablement under Result (7);
 - (ii) More than one of Result (1) to (7) and when payable for one of those Results shall not be payable for any subsequent Event all further liability on the Company under this Policy there upon ceasing;
 - (iii) Any of the Results unless the Insured shall as soon as possible after the happening of the Event which caused such Results procure and follow medical advice from a duly Registered Medical Practitioner.

FIRE AND THEFT

Section 3:

Against loss of or damage to:

- (a) Golf clubs, bags and bag trundlers and other accessories belonging to the Insured whilst contained in any building or in transit but not exceeding the sum of RM2,500 (Plan Birdie)/ RM4,000 (Plan Eagle) during any one Period of Insurance and in respect of loss of or damage to any one golf club shall not exceed RM200 (Plan Birdie)/ RM400 (Plan Eagle);
- (b) Personal Effects belonging to the Insured whilst contained in any Golf Club House or Golf Professional's Shop but not exceeding the sum of RM1,000 (Plan Birdie)/RM1,500 (Plan Eagle) in any one Period of Insurance occasioned by fire, burglary, housebreaking, larceny or theft.

Provided :

- (i) The Company shall not be liable under Section 3 for loss of or damage to Watches, Jewellery, Trinkets, Money, Securities or Stamps;
- (ii) On the happening of any loss insured under Section 3 the Company shall be entitled to take and keep possession of the leave and license for such purpose. No property may be abandoned to the Company;
- (iii) The Company shall not be liable for theft of golf clubs, bags and bag trundlers and other golf accessories while contained in an automobile unless all doors and windows are securely locked, and in the event of a loss by theft from an automobile visible signs of forcible entry must be shown.

HOLE IN ONE

Section 4:

Upon the Insured's proof of scoring a Hole-In-One (certified by the Golf Club), the Company will pay the Insured as follows:

- (i) During normal day is RM250 (Plan Birdie)/RM500 (Plan Eagle);
- (ii) During tournament is RM1,000 (Plan Birdie)/RM1,500 (Plan Eagle).

GENERAL EXCEPTIONS

Provided Always That the Company shall not be liable in respect of:

1. Loss or damage which either in origin or extent is directly or indirectly, proximately or remotely, occasioned or contributed to by any of the following occurrences, or which either in origin or extent directly or indirectly, proximately or remotely, arises out of or in connection with any of such occurrences namely:

Earthquake, volcanic eruption, war, invasion, acts of foreign enemies, hostilities (whether war be declared or not), civil war, rebellion, revolution, insurrection, strikes, riots or civil commotion military or usurped power nuclear explosion or confiscation or nationalization or requisition of destruction of or damage to property by or under the order of any government or public or local authority or loss or damage occurring during the continuance or the (physical or other) abnormal conditions connected with or resulting from any of the abovementioned. If and when required the Insured shall as a condition precedent to the payment of any claim, prove to the satisfaction of the Company that the loss or damage was not occasioned directly or indirectly, wholly or partly, by through, or in consequence of any of the abovementioned, but occurred independently thereof.
2. (a) Any accidental or any loss or damages to any property whatsoever or any loss or expense whatsoever resulting or arising therefrom or any consequential loss;

(b) Any liability of whatsoever nature directly or indirectly caused by or contributed to by or arising from ionising radiations or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or from any nuclear waste from the combustion of nuclear fuel. For the purpose of this exception combustion shall include any self-sustaining process of nuclear fission.

3. Any accident or any loss or damage or liability directly or indirectly caused by or contributed to by arising from nuclear weapons material.
4. Wear and tear.
5. Loss or damage directly or indirectly due to the Insured having caused or suffered anything to be done whereby the risk hereby Insured was increased.

Provided further that the observance and fulfilment by the Insured of the terms and conditions of this Policy and of any endorsement which may be made hereon (in so far as it is practicable, having regard to the nature thereof, for the Insured to have observed and fulfilment them) shall be a condition precedent to the Insured's right to recover hereunder.

CONDITIONS

This Policy and Schedule shall be read together as one contract and any word or expression to which a specific meaning has been attached in any part of this Policy or of the Schedule shall bear such specific meaning wherever it may appear.

1. The Company shall be entitled to undertake in the name and on behalf of the Insured the absolute conduct control settlement of any proceedings at its own expense and for its own benefit but in the name of the Insured to recover compensation or secure indemnity from any third party in respect of anything covered by this Policy.
2. The Insured shall on receiving notice of any accident to or claim by any third party give immediate notice thereof in writing to the Company and shall supply full particulars thereof in writing and shall supply full particulars thereof in writing and shall send to the Company any writ summons or other legal process issued or commenced against the Insured and shall send give all necessary information and assistance to enable the Company to settle or resist any claim or to institute proceedings.
3. The Insured shall not incur any expense in making good any damage without the written consent of the Company and shall not negotiate pay settle admit or repudiate any claim without the like consent.
4. If any claim under this Policy shall be in any respect fraudulent means or devices are used by the Insured or any one acting on his behalf to obtain any benefit under this Policy the Company shall be under no liability in respect of the claim.
5. If at the time of any occurrence causing loss or damage for which a claim would lie under Section 1, 3 or 4 of this Policy, there be any other subsisting Insurance covering such loss damage or liability or any part thereof, the Company shall not be liable for more than its rateable proportion thereof.
6. The Company may at any time, by giving 7 days' notice in writing to the Insured at his last address as known to the Company, terminate this Policy as from the expiration of such 7 days provided that the Company shall in that event return to the Insured a proportionate part of the premium for the unexpired period of the Policy.
7. **Duty of Disclosure**

(a) Consumer Insurance Contract

Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if the Insured had applied for this Insurance wholly for **purposes unrelated to the Insured's trade, business or profession**, the Insured had a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form and all the questions required by the Company fully and accurately and also disclose any other matter that

the Insured knows to be relevant to the Company's decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied, otherwise it may result in avoidance of contract, claim denied or reduced, terms changed or varied, or contract terminated. **This duty of disclosure continued until the time the contract was entered into, varied or renewed.**

(b) Non-Consumer Insurance Contract

Pursuant to Paragraph 4(1) of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if the Insured had applied for this Insurance for **purposes related to Insured's trade, business or profession**, the Insured had a duty to disclose any matter that the Insured knows to be relevant to the Company's decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied and any matter a reasonable person in the circumstances could be expected to know to be relevant, otherwise it may result in avoidance of contract, claim denied or reduced, terms changed or varied, or contract terminated. **This duty of disclosure continued until the time the contract was entered into, varied or renewed.**

(c) The Insured also has a duty to tell the Company immediately if at any time, after this Policy contract has been entered into, varied or renewed with the Company, any of the information given for this Policy contract is inaccurate or has changed.

8. Applicable Tax

In the event that any sales and services tax, value added tax or any similar tax and any other duties, taxes, levies or imposts (collectively "**Applicable Tax**") whatsoever are introduced by any authority and are payable under the laws of Malaysia in connection with any supply of goods and/or services made or deemed to be made under this Policy, We will be entitled to charge any Applicable Tax as allowed by the laws of Malaysia. Such Applicable Tax payable shall be paid in addition to the applicable premiums and other charges. All provisions in this Policy on payment of premiums and default hereof shall apply equally to the Applicable Tax.

ENDORSEMENTS

The following Endorsement are not included in this Policy unless specified in the Schedule:

Endorsement 1

INCLUSION OF SPOUSE AND CHILDREN

1. The expression "The Insured" shall be deemed to include:
 - (a) only one nominated spouse (below 60 years old);
 - (b) the Insured's children below the age of 21 years old.

The word "children" as used shall include the Insured's acknowledged natural children, step-children, legally adopted children and children, provided such children are primarily dependent upon the Insured for support and maintenance.

2. The Limits of Liability provided under this Policy shall not be increased by virtue of this extension.

Endorsement 2

BREAKAGE OF CLUBS

The Company shall be liable for accidental damage to or breakage of golf clubs (below 2 years old) belonging to the Insured whilst in course of play or practice but not exceeding the sum RM250 for any one club and RM1,000 for any Period of Insurance.

CLAUSES

JURISDICTION CLAUSE

It is understood and agreed that the indemnity provided herein shall not apply to:

- (a) compensation and damages in respect of judgements delivered or obtained in the first instance otherwise than by a court of competent jurisdiction within Malaysia;
- (b) costs and expenses of litigation recovered by any claimant from the Insured which are not incurred in and recoverable in Malaysia.

REINSTATEMENT OF SUM INSURED CLAUSE

It is hereby declared and agreed that in the event of a loss, the Insurance hereunder shall be maintained in force for the full Sum Insured and the Insured shall be liable to pay an additional premium calculated on the amount of loss on prorata basis from the date of such loss to the expiry of the current Period of Insurance.

This Policy And Its Conditions Should Be Examined And If Incorrect Returned At Once For Alteration.

IMPORTANT NOTICE

PREMIUM WARRANTY

1. The Premium due under this contract of insurance must be paid to **Allianz General Insurance Company(Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)** within sixty (60) days from the risk inception date failing which the contract is automatically cancelled. For further details, please refer to the premium warranty clause as printed below.
2. Any premiums paid to your insurance broker is not deemed to be payment to your Insurer for the purpose of the premium warranty. Please note that if this insurance is transacted through your insurance broker, the broker is acting on your behalf for the purpose of formation of this contract of insurance. It is important that you ensure your insurance broker remits your premiums to the Insurer concerned in strict compliance with the provisions of the premium warranty.

PREMIUM WARRANTY CLAUSE

It is a fundamental and absolute special condition of this contract of insurance that the premium due must be paid and received by the Insurer within sixty (60) days from the inception date of this policy/endorsement/renewal certificate.

If this condition is not complied with then this contract is automatically cancelled and the Insurer shall be entitled to the pro rata premium for the period they have been on risk.

Where the premium payable pursuant to this warranty is received by an authorised agent of the Insurer, the payment shall be deemed to be received by the Insurer for the purposes of this warranty and the onus of proving that the premium payable was received by a person, including an insurance agent, who was not authorised to receive such premium shall lie on the Insurer.

Subject otherwise to the terms and conditions of this Policy.

NOTICE

For all intents and purposes where there is a conflict or ambiguity as to the meaning in the Bahasa Malaysia provisions of any part of the Contract, it is hereby agreed that the English version of the Contract shall prevail.

To Attach Schedule Here /
Kepilkan Jadual Di Sini

GOLF MASTER

BAHAWASANYA Pihak Diinsuranskan yang dinamakan dalam Jadual bersama-sama ini berhajat untuk mendapatkan suatu insurans yang akan dijelaskan kemudian dari ini daripada pihak **Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)** (kemudian dari ini dipanggil "Syarikat") dengan memberikan kepada Syarikat suatu cadangan dan pengisytiharan bertulis yang hendaklah disifatkan sebagai asas dan dianggap telah digabungkan di dalam ini.

Walaupun berdasarkan sebarang peruntukan di dalam Polisi ini, **asas kontrak** di atas adalah tidak terpakai kepada Pihak Diinsuranskan yang merupakan seorang individu yang membuat, mengubah atau memperbaharui kontrak insurans **sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Pihak Diinsuranskan.**

POLISI INI SEKARANG MENJADI SAKSI bahawa sebagai balasan di mana Pihak Diinsuranskan membayar premium kepada Syarikat, Syarikat akan mengenakan Terma-Terma, Pengecualian- Pengecualian, Had-Had dan Syarat-Syarat di dalam ini atau dicatat-terakan kelak sekiranya berlaku sebarang daripada perkara-perkara di luar jangkaan di bawah ini semasa dalam Tempoh Insurans dan di dalam kawasan Had-Had Wilayah yang disebutkan dalam Jadual bersama-sama ini secara bayaran pengembalian semula atau pembaikan, menanggung rugi atau pampasan Pihak Diinsuranskan seperti berikut:

LIABILITI KEPADA PIHAK AWAM

Bahagian 1:

Bagi liabiliti undang-undang yang timbul daripada tuntutan atau tuntutan-tuntutan yang dibuat ke atasnya berkenaan dengan kemalangan-kemalangan yang bersebab pada dirinya sendiri ketika bermain atau berlatih main golf di sebarang Padang Golf yang diiktiraf dan Padang Latihan Golf atau Padang Latihan Golf Awam yang mengakibatkan:

(a) Kecederaan anggota secara kemalangan atau kematian ke atas sesiapa sahaja yang bukan ahli keluarga atau isi rumah Pihak Diinsuranskan atau yang berkhidmat dengannya;

(b) Kerosakan kerana kemalangan/tidak sengaja ke atas harta bukan kepunyaan atau berada dalam jagaan atau kawalan Pihak Diinsuranskan atau seseorang ahli keluarga atau isi rumah atau yang berkhidmat dengannya.

Di samping itu, bagi semua kos dan belanja litigasi yang dipulihkan oleh mana-mana pihak menuntut ke atas Pihak Diinsuranskan ataupun yang ditanggung dengan izin bertulis Syarikat berkenaan dengan sesuatu tuntutan ke atas Pihak Diinsuranskan, oleh itu Tanggung Rugi yang dinyatakan dalam Polisi ini hendaklah dipakai.

Disyaratkan Seperti Biasa Bahawa amaun yang boleh dibayar di bawah polisi ini berkenaan dengan mana-mana satu kemalangan atau kemalangan-kemalangan bersusulan yang mengandungi satu kejadian biar apa pun tidak boleh melebihi RM250,000 (Pelan Birdie)/RM500,000 (Pelan Eagle).

KEMALANGAN DIRI

Bahagian 2:

Faedah-faedah yang ditetapkan di bawah ini adalah bagi mana-mana Kejadian Kemalangan berikut jika ia berlaku ke atas Pihak Diinsuranskan ketika bermain atau berlatih main golf di sebarang Padang Golf yang diiktiraf dan ekoran daripada itu, Pihak Diinsuranskan mengalami mana-mana Akibat yang ditetapkan.

Kejadian Kemalangan	Akibat		Benefit
Kecederaan anggota semata-mata dan langsung kerana kemalangan dahsyat secara luaran dan terlihat serta bebas daripada sebab-sebab lain yang menimbulkan mana-mana Akibat (1) hingga (7)	(1) Kematian	Terjadi dalam masa sembilan puluh (90) hari selepas kemalangan berlaku	(1) RM25,000
	(2) Hilang penglihatan menyeluruh kekal pada kedua-dua mata.		(2) RM25,000
	(3) Hilang menyeluruh pada kedua-dua tangan atau kaki atau sebelah tangan dan sebelah kaki yang terputus.		(3) RM25,000
	(4) Hilang menyeluruh sebelah tangan atau kaki yang terputus serta hilang penglihatan menyeluruh kekal pada sebelah mata.		(4) RM25,000
	(5) Hilang penglihatan kekal pada sebelah mata.		(5) RM12,500
	(6) Hilang menyeluruh pada sebelah tangan atau kaki yang terputus.		(6) RM12,500
	(7) Hilang upaya menyeluruh sementara daripada melakukan atau menjalankan pekerjaan seperti biasa.		(7) RM50 setiap minggu

Disyaratkan Seperti Biasa Bahawa

(a) Bahagian ini tidak berkuat kuasa jika pada masa kemalangan Pihak Diinsuranskan berumur di bawah 16 tahun atau telah mencapai umur 60 tahun.

(b) Tiada Pampasan akan dibayar di bawah Polisi ini:

(i) Bagi sebarang Kejadian ekoran daripada perbuatan bunuh diri (sama ada secara feloni atau tidak) atau percubaan untuk melakukan yang sama itu, atau bagi sebarang Akibat secara menyeluruh kerana hernia atas punca apa pun, penyakit kelamin, atau bagi wanita, melahirkan anak atau kehamilan;

(ii) Sehingga keseluruhan jumlah dapat dipastikan dan disetujui.

(c) Pampasan tidak boleh dibayar untuk:

- (i) Lebih daripada 26 minggu sejak bermulanya hilang upaya di bawah Akibat (7);
- (ii) Lebih daripada satu Akibat (1) hingga (7) dan apabila membayar untuk mana-mana satu Akibat, tidak dibolehkan membayar untuk sebarang Akibat lain yang disebabkan oleh Kejadian yang sama tadi ataupun untuk sebarang Akibat yang disebabkan oleh Kejadian berikut di mana liabiliti ke atas Syarikat di bawah Polisi ini akan terhenti kemudiannya;
- (iii) Mana-mana Akibat tersebut melainkan jika Pihak Diinsuranskan secepat mungkin selepas berlakunya Kejadian tersebut yang menimbulkan Akibat-Akibat tadi mendapatkan dan mengikuti nasihat perubatan daripada seorang Pengamal Perubatan Berdaftar.

KEBAKARAN DAN KECURIAN

Bahagian 3:

Bagi kerugian atau kerosakan ke atas:

- (a) Kayu golf, beg dan penyorong beg serta aksesori-aksesori lain kepunyaan Pihak Diinsuranskan ketika ia berada di sebarang bangunan atau dalam transit tetapi tidak melebihi jumlah RM2,500 (Pelan Birdie)/RM4,000 (Pelan Eagle) semasa dalam mana-mana satu Tempoh Insurans dan bagi kerugian atau kerosakan ke atas mana-mana kayu golf tidak boleh melebihi RM200 (Pelan Birdie)/RM400 (Pelan Eagle);
- (b) Barang-barang persendirian kepunyaan Pihak Diinsuranskan ketika ia tersimpan di mana-mana Kelab Golf atau Kedai Profesional Golf tetapi tidak melebihi jumlah RM1,000 (Pelan Birdie)/RM1,500 (Pelan Eagle) pada mana-mana satu Tempoh Insurans yang terjadi kerana kebakaran, kecurian, pecah masuk, larseni atau kecurian.

Dengan Syarat:

- (i) Syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan di bawah Bahagian 3 ke atas kerugian dan kerosakan bagi jam tangan, barang-barang kemas, perhiasan biasa, wang, cagaran atau setem;
- (ii) Sebaik sahaja berlaku sebarang kerugian yang diinsuranskan di bawah Bahagian 3, Syarikat berhak untuk mengambil dan menyimpan milik harta berkenaan serta menguruskan salvaj dengan cara yang munasabah manakala Polisi ini hendaklah menjadi bukti kebenaran dan lesen bagi tujuan tersebut. Apa-apa harta tidak boleh diserahkan milik kepada Syarikat;
- (iii) Syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas kecurian kayu golf, beg dan penyorong beg serta aksesori-aksesori golf yang lain ketika ia tersimpan di dalam sesebuah kenderaan kecuali jika semua pintu dan tingkap dikunci dan sekiranya berlaku kerugian/kehilangan kerana kecurian dari kenderaan tersebut, tanda-tanda nyata tentang kemasukan secara paksa mestilah ditunjukkan.

HOLE-IN-ONE

Bahagian 4:

Sebaik sahaja Pihak Diinsuranskan terbukti memperoleh Hole-In- One (disahkan oleh Kelab Golf) pihak Syarikat akan membayar Pihak Diinsuranskan seperti berikut:

- (i) Semasa hari biasa ialah RM250 (Pelan Birdie)/RM500 (Pelan Eagle);
- (ii) Semasa pertandingan ialah RM1,000 (Pelan Birdie)/RM1,500 (Pelan Eagle).

PENGECUALIAN-PENGECUALIAN AM

Disyaratkan Seperti Biasa Bahawa pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas:

1. Kerugian atau kerosakan asal atau sebab lain yang terjadi, secara langsung atau tidak langsung, secara terdekat atau tersisih, kerana atau dihasilkan oleh atau berhubung dengan mana-mana kejadian berikut, khususnya:

Gempa bumi, ledakan gunung berapi, perang, serangan, tindakan-tindakan musuh asing, perseteruan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, penentangan, revolusi, kebangkitan, mogok, rusuhan, kekacauan awam, kuasa tentera atau rebutan kuasa, ledakan nuklear atau perampasan atau pemilik negara atau rekuisisi atau pemusnahan atau kerosakan ke atas harta oleh atau atas perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam ataupun kerugian atau kerosakan yang berlaku semasa wujud atau (secara fizikal atau lain-lain) keadaan abnormal berhubung dengan atau ekoran daripada sebarang sebab-sebab di atas. Jika dan bila diperlukan, Pihak Diinsuranskan hendaklah sebagai syarat terdahulu daripada bayaran ke atas sebarang tuntutan, membuktikan sehingga Syarikat berpuas hati bahawa kerugian atau kerosakan tersebut bukanlah terjadi secara langsung atau tidak langsung, atau secara menyeluruh atau sebahagian kerana, atau melalui ataupun ekoran daripada mana-mana sebab yang disebutkan di atas, tetapi secara bebas daripada sebab-sebab yang disebutkan itu.

2. (a) Sebarang kemalangan atau sebarang kerugian atau kerosakan ke atas mana-mana harta sekalipun atau sebarang kerugian atau belanja apa sekalipun ekoran atau berpunca daripada sebab-sebab tadi ataupun sebarang kerugian turutan;
- (b) Sebarang jenis liabiliti sekalipun secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan atau dihasilkan oleh atau yang berpunca daripada sinaran mengion atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada sebarang bahan bakar nuklear atau daripada sebarang sisa nuklear sebab pembakaran bahan bakar nuklear. Bagi tujuan-tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah merangkumi sebarang proses swapenahanan bagi pembelahan nuklear.
3. Sebarang kemalangan atau sebarang kerugian atau kerosakan atau liabiliti yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung atau dihasilkan oleh atau yang berpunca daripada bahan senjata-senjata nuklear.
4. Haus dan lusuh.
5. Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung kerana Pihak Diinsuranskan telah menyebabkan atau mengalami sesuatu yang sepatutnya dilakukan di mana risiko yang diinsuranskan di sini telah ditambahkan.

Disyaratkan selanjutnya bahawa pelaksanaan dan penuaian terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini oleh Pihak Diinsuranskan serta sebarang daripada pengendorsan yang mungkin dibuat kemudian (selagi ia wajar diamalkan dan dipatuhi dengan mengambil kira ciri-ciri yang berhubung dengan apa yang Pihak Diinsuranskan dikehendaki melaksana dan menunaikan) hendaklah dijadikan syarat-syarat terdahulu ke atas hak Pihak Diinsuranskan untuk mendapatkan kembali sebarang bayaran di bawah polisi ini.

SYARAT-SYARAT

Polisi ini dan Jadualnya hendaklah dibaca bersama-sama sebagai satu kontrak di mana sebarang kata-kata dan ungkapan-ungkapan yang mempunyai maksud-maksud tertentu yang telah diselitkan di mana-mana bahagian Polisi ini atau Jadualnya memang mempunyai maksud-maksud tertentu di mana sahaja ia terdapat.

1. Syarikat hendaklah diberi hak untuk mengendalikan atas nama dan bagi pihak Pihak Diinsuranskan urusan, kawalan dan penyelesaian mutlak bagi sebarang prosiding atas belanja dan untuk faedahnya sendiri tetapi atas nama Pihak Diinsuranskan untuk mendapatkan

kembali pampasan atau memperoleh tanggung rugi daripada sebarang pihak ketiga berkenaan dengan apa-apa yang dilindungi oleh Polisi ini.

2. Pihak Diinsuranskan hendaklah sebaik sahaja dia menerima notis tentang sebarang kemalangan ke atas atau tuntutan oleh pihak ketiga segera memaklumkan Syarikat secara notis bertulis tentang perkara tersebut dan memberi butiran penuh secara bertulis tentang perkara tersebut dan mengirimmkan kepada Syarikat apa-apa writ, saman atau proses undang-undang lain yang dikeluarkan atau diambil terhadap Pihak Diinsuranskan dan memberi semua maklumat dan bantuan yang perlu untuk membolehkan Syarikat menyelesaikan atau menentang sebarang tuntutan ataupun mengambil tindakan prosiding.
3. Pihak Diinsuranskan tidak boleh membelanjakan apa-apa wang untuk membaikgantikan kerugian atau kerosakan tersebut tanpa mendapat izin bertulis daripada Syarikat dan tidak boleh membuat rundingan, bayaran, penyelesaian, pengakuan ataupun menyangkal sebarang tuntutan tanpa izin yang sama tadi.
4. Jika sebarang tuntutan di bawah Polisi ini terdapat penipuan atau jika sebarang cara atau kaedah penipuan digunakan oleh Pihak Diinsuranskan atau sesiapa sahaja yang bertindak bagi pihaknya untuk mendapatkan apa-apa faedah di bawah Polisi ini, Syarikat tidak akan mempunyai sebarang tanggungjawab liabiliti ke atas tuntutan tersebut.
5. Jika pada masa berlakunya sebarang kejadian yang menyebabkan kerugian atau kerosakan di mana sesuatu tuntutan telah dibuat di bawah Bahagian 1, 3 atau 4 Polisi ini sedangkan terdapat Insurans lain yang melindungi kerugian atau kerosakan yang sama itu, Syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar lebih daripada bahagian yang boleh dikadarkan ke atas sebarang kerugian atau kerosakan tersebut.
6. Syarikat boleh, pada sebarang masa dengan memberi notis 7 hari secara bertulis kepada Pihak Diinsuranskan ke alamat terakhirnya yang diketahui oleh Syarikat, menamatkan Polisi ini dan apabila masa 7 hari itu telah berlalu, Syarikat hendaklah dalam hal ini membayar balik kepada Pihak Diinsuranskan bahagian premium mengikut kadar bagi tempoh Polisi ini yang belum tamat.

7. Kewajipan Pendedahan

(a) Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Pihak Diinsuranskan memohon Insurans ini sepenuhnya **bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Pihak Diinsuranskan**, Pihak Diinsuranskan mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Syarikat dengan penuh dan tepat serta mendedahkan apa-apa perkara lain yang Pihak Diinsuranskan ketahui ada berkaitan dengan keputusan Syarikat menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. **Kewajipan pendedahan ini berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.**

(b) Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Pihak Diinsuranskan **memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion** Pihak Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Pihak Diinsuranskan ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan Syarikat dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. **Kewajipan pendedahan ini berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.**

- (c) Pihak Diinsuranskan juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada Syarikat dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

8. Cukai Berkenaan

Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai "**Cukai Berkenaan**") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah Polisi ini, Kami berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada premium dan caj-caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam Polisi ini mengenai pembayaran premium dan keingkaran akan turut digunapakai dengan Cukai Berkenaan.

PENGENDORSAN-PENGENDORSAN

Pengendorsan-pengendorsan berikut tidak termasuk dalam Polisi ini kecuali jika ia disebutkan dalam Jadual:

Pengendorsan 1

KEMASUKAN SUAMI/ISTERI DAN ANAK-ANAK

1. Ungkapan "Diinsuranskan" hendaklah disifatkan termasuk:

(a) hanya seorang suami/isteri yang dinamakan (di bawah umur 60 tahun);

(b) anak-anak Diinsuranskan di bawah umur 21 tahun.

Perkataan "anak-anak" yang digunakan hendaklah termasuk anak kandung yang diakui oleh Diinsuranskan, anak tiri serta anak angkat atau yang dipelihara secara undang-undang, dengan syarat anak-anak tersebut masih dalam tanggungan Diinsuranskan untuk penyaraan dan nafkah hidup.

2. Had-Had Liabiliti yang diperuntukkan di bawah Polisi ini hendaklah ditambahkan atas sebab perluasan ini.

Pengendorsan 2

PEMATAHAN KAYU-KAYU GOLF

Syarikat boleh dipertanggungjawabkan ke atas kerosakan atau pematahan kerana kemalangan/tidak sengaja bagi kayu golf (di bawah umur 2 tahun) kepunyaan Diinsuranskan ketika bermain atau berlatih main golf tetapi tidak melebihi jumlah RM250 bagi mana-mana satu kayu golf dan RM1,000 bagi sebarang Tempoh Insurans.

FASAL-FASAL

FASAL BIDANG KUASA

Difahamkan dan disetujui bahawa tanggung rugi yang diperuntukkan di dalam ini tidak boleh dipakai untuk:

(a) pampasan ke atas kerosakan-kerosakan bagi penghakiman yang dibuat atau diperoleh secara pertama-tama melainkan oleh sesebuah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten di Malaysia;

(b) kos-kos dan belanja-belanja litigasi yang mana-mana pihak menuntut dipulihkan daripada Pihak Diinsuranskan yang berlaku di luar Malaysia.

FASAL PENGEMBALIAN SEMULA JUMLAH DIINSURANSKAN

Dengan ini adalah diisytiharkan dan disetujui bahawa sekiranya berlaku sesuatu kerugian, Insurans di bawah polisi ini hendaklah mengenakan sepenuh Jumlah Diinsuranskan itu manakala Pihak Diinsuranskan boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar premium tambahan yang dikira atas dasar prorata bagi amaun kerugian tersebut dari tarikh kerugian tersebut berlaku hingga Tempoh Insurans yang sedang berkuat kuasa itu tamat.

Polisi Ini Dan Syarat-Syaratnya Hendaklah Diperiksa Dengan Teliti Dan Jika Terdapat Kesilapan, Pulangkanlah Ia Segera Untuk Pindaan.

NOTIS PENTING

WARANTI PREMIUM

1. Di bawah kontrak insurans ini, premium yang mesti dibayar hendaklah dibayar kepada Pihak Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V) dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh risikonya mula berkuat kuasa, jika tidak kontrak ini akan terbatal secara automatik. Untuk butir-butir lanjut, sila rujuk kepada fasal waranti premium seperti yang tertera di bawah ini.
2. Apa-apa premium yang dibayar kepada broker insurans anda tidak akan disifatkan sebagai bayaran kepada Penanggung Insurans bagi tujuan waranti premium ini. Sila ambil perhatian bahawa jika urusan insurans ini dibuat melalui broker insurans anda, broker tersebut sebenarnya cuma bertindak bagi pihak anda untuk tujuan mendapatkan maklumat tentang kontrak insurans ini. Penting untuk anda memastikan bahawa broker insurans anda mengirimitkan wang premium anda itu dengan mematuhi peraturan-peraturan waranti premium ini secara betul.

FASAL WARANTI PREMIUM

Telah menjadi syarat khas yang utama dan mutlak bagi kontrak insurans ini bahawa premium yang mesti dibayar hendaklah dibayar dan diterima oleh Penanggung Insurans dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh polisi/pengendorsan/sijil pembaharuan ini mula berkuat kuasa.

Jika syarat tadi tidak dipatuhi, kontrak insurans ini akan terbatal secara automatik dan Penanggung Insurans akan diberi hak ke atas premium secara pro rata bagi tempoh yang melindungi risiko.

Jikalau premium yang dibayar menurut waranti ini diterima oleh seorang ejen berkuasa Penanggung Insurans, bayaran tersebut hendaklah disifatkan telah diterima oleh Penanggung Insurans bagi tujuan-tujuan waranti ini manakala kewajipan untuk membuktikan bahawa premium yang dibayar itu telah diterima oleh seseorang termasuk seorang ejen insurans yang tidak diberi kuasa untuk menerima premium berkenaan adalah terletak pada pihak Penanggung Insurans.

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini ataupun sebaliknya.

PEMBERITAHUAN

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau keaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian Kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Lodging of Complaints / Penyerahan Aduan



We are committed to maintaining high levels of service, honesty, integrity and trustworthiness. If you have any reason to be dissatisfied with any of our products or services, we would like to hear from you. Your feedback is very important to us as we are always looking for ways to improve and serve you better. / Kami berdedikasi untuk meningkatkan dan mengekalkan tahap perkhidmatan yang tinggi, jujur, penuh kebolehpercayaan dan amanah. Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan mana-mana produk atau perkhidmatan kami, kami ingin mendengarnya daripada anda. Maklum balas anda sangat penting kepada kami kerana kami sentiasa mencari peluang untuk memperbaiki mutu perkhidmatan kami.


To provide us with your feedback, you may contact us via the following channels / Untuk memberi sebarang maklum balas, anda bolehlah menghubungi kami melalui saluran-saluran berikut:


Write to / Secara bertulis:

Customer Feedback Center, Allianz Arena, Ground Floor Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

 1 300 22 5542

  AllianzMalaysia

 customer.service@allianz.com.my

 allianz.com.my

Avenues to Seek Redress / Saluran untuk Penyelesaian Aduan

You may submit your complaint to the Ombudsman for Financial Services (OFS) if you are not satisfied with our final response or decision, in the event that your complaint is within the scope of the OFS as well as the following monetary thresholds / Anda boleh mengemukakan aduan anda kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) jika anda tidak berpuas hati dengan balasan atau keputusan akhir kami sekiranya aduan anda berada di dalam skop OPK serta ambang monetari berikut:

(1) Insurance claims not exceeding RM250,000.00; and / Tuntutan insurans tidak melebihi RM250,000.00; dan

(2) Motor third party property damage claims not exceeding RM10,000.00. / Kerosakan harta pihak ketiga bagi tuntutan insurans motor tidak melebihi RM10,000.00.

The OFS can be contacted at the following address / OFS boleh dihubungi di alamat berikut:

Ombudsman for Financial Services, Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia, No 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

 03 2272 2811

 03 2272 1577

 enquiry@ofs.org.my

 www.ofs.org.my


If your complaint does not fall within the purview of the OFS, you may refer your complaint to Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) of Bank Negara Malaysia (BNM) at the following address / Jika aduan anda berada di luar bidang OPK, anda bolehlah merujuk aduan anda kepada Laman Maklumat Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia (BNM) di alamat berikut:

Write to (BNMTELELINK) / Secara Bertulis (BNMTELELINK):

Pengarah, LINK & Pejabat BNM, Bank Negara Malaysia, P.O. Box 10922, 50929 Kuala Lumpur.


Walk-in (BNMLINK) / Secara Bersemuka (BNMLINK):

Ground Floor, Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

 1 300 88 5465

 03 2174 1515

 bnmtelelink@bnm.gov.my

 www.bnm.gov.my

You may check with our Customer Feedback Center on the types of complaints handled by the OFS or BNM before submitting your complaint. / Anda boleh merujuk dengan Pusat Maklumbalas Pelanggan kami mengenai jenis aduan yang dikendalikan oleh OPK atau BNM sebelum mengemukakan aduan anda kepada mereka.

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)
(Licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)

Allianz Customer Service Center

Allianz Arena, Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.
Allianz Contact Center: 1 300 22 5542 Email: customer.service@allianz.com.my   AllianzMalaysia  allianz.com.my

